

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

1 (a) Jelaskan masalah asas ekonomi yang berikut:

(i) Bagaimana hendak dikeluarkan.

[2 markah]

(ii) Untuk siapa dikeluarkan.

[2 markah]


1 (b) Maklumat berikut berkaitan dengan kebaikan sistem ekonomi di negara Z.

Persaingan menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi yang menyumbang kepada peningkatan daya pengeluaran.

Jelaskan ciri-ciri sistem ekonomi negara tersebut.

[5 markah]


- 1 (c) Infografik berikut berkaitan dengan tindakan kerajaan.



Jelaskan kesan situasi tersebut kepada permintaan masyarakat.

[5 markah]

1(d) Rajah 1 berkaitan dengan keanjalan harga penawaran.



Rajah 1

Bezakan rajah X dengan rajah Y.

[6 markah]

2 (a) Bagaimanakah bank pusat mengawal kestabilan nilai mata wang?

[5 markah]

2 (b) Bezakan barang keperluan dan barang kehendak.

[6 markah]

- 2 (c) Jadual 1 berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma

Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)	Kos Marginal (RM)
0	10	-	-
1	50	50	40
2	84	42	34
3	108	X	24
4	136	34	Y
5	170	34	34
6	210	35	40
7	266	38	56

Jadual 1

Hitung nilai X dan Y.

[4 markah]

- 2 (d) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi produktiviti.

Penyelesaian berasaskan '*Artificial Intelligence*' (AI) mengoptimumkan proses dan meningkatkan kecekapan dalam sektor utama dan pelbagai lagi sektor yang berpotensi untuk diintegrasikan atau mungkin diautomasikan sepenuhnya.

Sumber: ubahsuai daripada <https://news.uthm.edu.my/ms/2025/04>

AI mampu meningkatkan produktiviti negara. Beri alasan anda.

[5 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis inflasi.

JOHOR BAHRU: Peniaga makanan kini semakin terhimpit berikutan kenaikan harga bahan mentah yang menyebabkan margin keuntungan semakin mengecil dan mengalami kerugian.sejak awal tahun lalu.

Sumber: Diubah suai daripada www.bharian.com.my, 20 Sept 2023

- (i) Nyatakan jenis inflasi yang berlaku.

[1 markah]

- (ii) Jelaskan jawapan di 3(a)(i).

[4 markah]

- 3 (b) Terangkan jenis-jenis perbelanjaan kerajaan.

[4 markah]

- 3 (c) Jelaskan kebaikan pelaburan langsung asing dalam ekonomi.

[6 markah]

- 3 (d) Jelaskan kesan negatif sekatan perdagangan antarabangsa kepada ekonomi negara.

[5 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan di bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan pasaran beras.




KUALA LUMPUR: Kenaikan harga beras putih import memberi manfaat kepada industri padi dan beras negara kerana ia telah mendorong peningkatan permintaan pengguna kepada beras putih tempatan. Harga beras putih import melonjak daripada RM33 kepada RM39.

Kerajaan telah mengambil langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan di pasaran dengan meminta pengilang padi zon utara meningkatkan pengeluaran sebanyak 20 peratus dan memberikannya kepada kerajaan melalui BERNAS.

Sumber: diubahsuai daripada *BH Online* September 4, 2023

- a) i. Nyatakan jenis keanjalan barang tersebut. [1 markah]
ii. Buktikan jawapan anda di 4 (a)(i). [4 markah]
- b) Kenaikan harga tersebut memberi kesan terhadap corak perbelanjaan pengguna. Perincikan. [9 markah]
- c) Bagaimanakah tindakan kerajaan dapat mengurangkan import tersebut? [6 markah]

- 5 Info grafik berikut berkaitan dengan corak perbelanjaan pengguna.



Sumber: Persatuan Pengguna Islam Malaysia

- a) Mengapa situasi tersebut berlaku? [5 markah]
- b) Bagaimanakah penggunaan alat dasar kewangan mampu mengekang masalah di atas? [6 markah]
- c) Cadangkan tindakan yang boleh diambil oleh anda untuk mengelakkan diri daripada masalah tersebut. [9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi dalam ekonomi.

Apabila tiba Monsun Timur Laut (MTL) setiap tahun antara bulan November hingga Mac, golongan nelayan antara yang paling terkesan dengan faktor cuaca itu kerana tidak dapat turun ke laut disebabkan hujan yang berterusan sekaligus hilang punca pendapatan dan keuntungan jualan hasil laut. Mereka terpaksa simpan bot sekaligus terputus sumber pendapatan untuk menampung perbelanjaan keluarga.

Sumber: ubahsuai www.sinarharian.com.my, 17 November 2024

- a) Jelaskan jenis pendapatan yang sepatutnya diterima oleh nelayan dalam situasi tersebut. [4 markah]
- b) Dengan bantuan rajah, jelaskan situasi tersebut terhadap pasaran ikan. [7 markah]
- c) Setujukah anda, bantuan Musim Tengkujuh (BMT) merupakan salah satu tindakan kerajaan untuk membantu nelayan dalam situasi tersebut? Kemukakan alasan. [9 markah]

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah banjir pekerja asing dalam negara.

KUALA LUMPUR - Kementerian Sumber Manusia (KSM) mengakui berlaku lambakan pekerja asing dalam negara, melebihi unjuran yang ditetapkan dengan angka semasa itu kini mencecah 2.7 juta orang dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 31.68 peratus daripada keseluruhan kuota pekerja asing yang diluluskan adalah bagi sektor pembinaan. Kerajaan perlu memikirkan mekanisme sesuai untuk memastikan penggunaan teknologi baharu, automasi selain melahirkan bakat-bakat tempatan bagi memenuhi keperluan industri.

Sumber : Diubah suai daripada Sinar Harian, 19 Oktober 2023

- a) Jelaskan sektor ekonomi yang terlibat dalam situasi tersebut. [4 markah]
- b) Bagaimanakah tindakan yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah di atas? [7 markah]
- c) Situasi tersebut akan memberi kesan kepada ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT